

Tindakan Shahnnon, Mat Sabu bukan ciri pemimpin Islam

PEKAN, Jumaat – Tindakan terbaru dua ahli Parlimen Pas, Mohammad Sabu dan Prof Datuk Shahnnon Ahmad yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah satu perbuatan yang cukup kasar dan bertentangan dengan ciri pemimpin Islam.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata ukuran seseorang pemimpin yang mulia dan baik mengikut Islam adalah pada akhlakannya, termasuk dari segi amalan, pertuturan dan perbuatannya.

"Walaupun kita berbeza pendapat dari segi politik, tidak wajar kata-kata keasat dan menghina itu dilemparkan kepada pemimpin kita.

"Kalau mereka kata parti mereka berjuang un-

dana, rangkaian TVI, Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang menayangkan sedutan ucapan Ahli Parlimen Kuala Kedah dan Ahli Parlimen Sik itu, baru-baru ini.

Dalam video klip itu, Mohamad Sabu mendakwa Perdana Menteri pernah mengeluarkan kenyataan menyekutukan dirinya dengan Tuhan, manakala Shahnnon yang juga Sasterawan Negara, menggelar Dr Mahathir sebagai 'Maha Haprak' dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi, sebagai 'haprak'.

tuk Islam, mereka mesti buktikan amalan mereka ini tidak bertentangan dengan amalan Islam," katanya diminta mengulas siaran video klip Berita Per-

Pertahanan berkata, kini terpulang kepada rakyat untuk menilai tindak-tanduk Pas yang kononnya berjuang atas nama Islam.

"Kalau mereka kata parti mereka berjuang untuk Islam, mereka mesti buktikan dari segi amalan.

"Jadi terpulang kepada rakyat kerana rakyat akhirnya akan tahu siapa yang benar, rakyat sendiri boleh adili dalam hal ini kerana mereka tahu mana yang baik dan buruk," katanya.

Mengenai langkah Keadil dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) untuk mengkaji semula gabungannya dalam barisan pembangkang bagi menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit,

di Kedah, Najib berkata, barisan pembangkang kini berada dalam keadaan serba salah.

Katanya, DAP pastinya tidak akan membantu Pas pada pilihan raya kecil itu kerana takut ditolak oleh pengundi Cina.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku pada pilihan raya sebelum ini seperti di Ketari, Mac lalu apabila DAP menghadapi masalah dengan pengundi Cina jika bersekongkol dengan Pas, Keadilan atau PRM.

"Saya lihat pendirian secara rasmi pemimpin mereka ketika berdepan dengan rakyat, tetapi di belakang kita mesti tengok sama ada mereka benar-benar mematuhi atau secara senyap-senyap menyuruh penyokong mereka mengundi calon Pas," katanya.